AKHBAR : BORNEO POST

HARII : ISNIN

TARIKH : 7 APRIL 2014

Atasi kemurungan mampu bantu pulih kanser: Dr Gan

Kehidupan seharian pesakit dapat diubah sekiranya mereka bijak menguruskan masalah kemurungan

KUCHING: Mengatasi masalah kemurungan dengan baik mampu membantu pesakit kanser untuk pulih walaupun tidak terdapat sebarang kajian terperinci bagi membuktikannya setakat ini.

Demikian ujar Pakar Psikiatri Dr Gan Kee Kuan sambil menerangkan bagaimana kehidupan seharian pesakit kanser dapat diubah sekiranya mereka bijak menguruskan masalah kemurungan mereka.

"Kita tahu, ramai pesakit kanser yang tidak dapat menerima kenyataan bahawa mereka sakit, ditambah lagi dengan perubahan kehidupan, penerimaan sekeliling dan rawatan yang dijalankan agak menekan.

"Ia juga sukar bagi penjaga kepada pesakit untuk menjaga pesakit mereka dan menjaga diri mereka sendiri.

"Justeru, dalam kaedah kaunseling, memberi makan ubat, pesakit sendiri perlu bersikap terbuka dan tidak segan untuk mencari jalan mengawal atau merawat kanser mereka dan perlu percaya kepada doktor yang merawat mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berceramah mengenai Kanser dan Kemurungan di Pusat Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) Cawangan Kuching di sini semalam.

Di samping itu, apa yang keluarga pesakit perlu tahu adalah mereka merupakan sistem sokongan kepada pemulihan pesakit kanser dan bukannya rawatan di luar negara yang memerlukan kos yang tinggi.

Bagaimanapun, kemurungan terjadi pada masa yang tidak diduga dan perkara ini menjadi penyakit serius sekiranya perubahan 'mood' berlaku melebihi dua minggu secara berlarutan.

Kata Dr Gan pesakit kanser yang dipercayai mempunyai kemurungan menunjukkan simptom yang berbeza yang ada kalanya menunjukkan sikap yang terlalu positif, terlalu negatif, kurang selesa dengan diri sendiri, kurang selera makan dan perubahan bersosial.

"Ia agak normal untuk menunjukkan mood yang berbeza-beza walaupun kita sedih, gembira, berduka dan sebagainya tetapi ia tidak perlu terlalu menyatakan ia dengan impresi yang keterlaluan.

"Apa yang boleh dilakukan adalah menulis di atas sekeping kertas bermesej dan tidak semestinya bercakap secara lisan kepada orang lain.

"Cara lain kita boleh menggunakan 'emotican' bagi jadual dalam sebulan bagi menunjukkan mood.

"Bahkan, menjalankan aktiviti riadah, bersosial mampu mengurangkan kemurungan dan menjalankan kajian bagi penyakit kanser yang dihadapi selain menggunakan laman sosial atau e-mel peribadi untuk berkomunikasi dengan doktor yang merawat pesakit kanser ini," jelasnya.

Pakar perubatan kesihatan mental biasa mendiagnosis pesakit kemurungan menggunakan teknik DSM IV, tambah Dr Gan.

Untuk sebarang maklumat, pihak NCSM boleh dikunjungi di alamat 287, Lot 2643 Pusat Komersil Central Park, Jalan Rock atau dihubungi di talian 082-235809, faks 082-235770 atau e-melkan pertanyaan ke cancercare.kuching@gmail.com pada setiap hari Isnin hingga Jumaat 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

AKHBAR : BERITA HARIAN

HARI : SABTU

TARIKH : 12 APRIL 2014

BH 12 APRIL 2014 ⊙ SABTU TEKNOLOGI & INOVASI SIHAT ⊙ 7

BH 12 04 2014 P7

The Edge rawatan terbaharu kanser



» Teknologi tawar pembedahan **tak sampai 15 minit** tanpa perlu tinggal di hospital

Oleh Nasuha Badrul Huzaini
nasuha@bh.com.my

Pesakit di Henry Ford Hospital di Detroit, Amerika Syarikat, kini boleh mendapatkan rawatan baharu kanser, menawarkan pilihan pembedahan tanpa perlu tinggal di hospital, dengan tempoh rawatan kurang daripada 15 minit.

Inovasi mesin *The Edge Radiosurgery Suite* direka untuk kaedah rawatan kanser tidak invasif di mana saja bahagian badan termasuklah otak, tulang belakang, kepala dan leher.

Teknologi juga merangkumi rawatan di sekitar kelenjar adrenal, paru-paru, hati dan pankreas dengan kadar ketepatan yang tinggi serta rendah toksik.

Mesin itu adalah satu-satunya unit yang ada di Amerika Utara dan hanya boleh didapati di Institut Kanser Josephine Ford, Hospital Henry Ford.

Kesan tumor masa sebenar

The Edge, yang dicipta oleh Varian Medical Systems, menggunakan teknologi pengesanan tumor masa sebenar yang terkini dan keupayaan kawalan pergerakan. Rekaan ini meningkatkan aspek keselamatan dan keselesaan pesakit dengan melindungi tisu sihat dengan ketepatan submilimeter. Selain itu, mesin canggih itu menawarkan keupayaan merawat ketumbuhan yang sukar untuk dicapai menerusi pembedahan.Kebiasaannya, rawatan yang dijalankan adalah sebagai pesakit luar dan akan selesai dalam minggu yang sama, dengan hanya satu hingga lima sesi dijalankan.

Perantis rawatan radiasi

Pesakit mula mendapatkan rawatan menggunakan mesin The Edge di hospital berkenaan pada penghujung Mac lalu. Sebagai perintis dalam rawatan radiasi stereotaktik, Jabatan Onkologi Radiasi di Hospital Henry Ford sudah merawat lebih 4,000 pesakit menggunakan rawatan radiasi stereotaktik khusus.Kini, dengan mesin The Edge, antara kelebihan yang ditawarkan termasuklah rawatan lebih pantas sekitar 10 hingga 20 minit. Rawatan pada kapasiti dos sehingga 2,400 monitor unit seminit berbanding sistem lain yang boleh memakan masa sehingga sejam untuk setiap sesi. Mesin itu memberikan keselesaan menerusi kerusi rawatan dengan sudut enam darjah yang memberikan ketepatan dan fleksibiliti yang diperlukan secara optimum.

Rawatan kos efektif

Selain itu, rawatan itu menawarkan pengimejan masa sebenar bagi mengimbangi gerakan ketumbuhan semasa rawatan. Collimator (sejenis alat yang menyempitkan pancaran gelombang) berukuran 2.5 milimeter menyediakan pemotongan yang berbeza bagi rawatan radiosurgeri. Kelebihan lain yang dimiliki mesin berkenaan ialah dapat menawarkan perubatan dengan kos berbaloi.

Pengerusi Jabatan Onkologi Radiasi Hospital Henry Ford, Benjamin Movsas, berkata pihaknya mempunyai kepakaran dengan teknologi radiasi paling canggih, satu warisan yang berterusan menerusi mesin The Edge. "The Edge benar-benar mewakili medan baru dalam radiosurgeri dengan menawarkan sistem yang menyediakan penyelesaian bersepadu bagi perancangan dan pengurusan rawatan radiosurgeri.

"Dalam bidang radiosurgeri, setiap ukuran milimeter adalah penting," kata pakar bedah otak yang juga Pengarah Pusat Pembedahan Kanser di hospital berkenaan, Steven N Kalkanis.

AKHBAR : BERITA HARIAN

HARI : SABTU

TARIKH : 12 APRIL 2014

Kanser bukan noktah

BH 12.04.2014 P4

» *Serangan limfoma **suntik semangat Jamilah** berjuang melawan penyakit*



Oleh Rashiqah Ilmi Abd Rahim
rasyiqah@bh.com.my

Tidak ada sesiapa yang mahu sakit, apatah lagi selepas mendapat tahu penyakit diderita boleh membawa maut jika tidak dirawat segera. Lebih menggerunkan apabila doktor menetapkan tarikh tertentu pesakit mampu bertahan hidup.

Dalam situasi ini, hanya pesakit saja mengetahui keperitan dan mengharapkan keajaiban. Orang ramai yang melihat dan mendengar kisah pesakit yang sedang bertarung nyawa hanya mampu simpati.

Pesakit pula sudah pasti inginkan perhatian dan sokongan, khususnya daripada suami, isteri, anak, saudara dan rakan terdekat bagi menguatkan semangat untuk bertahan.

Tanda awal demam dan letih

Bagi bekas pesakit kanser darah, Jamilah Ab Hamid, 61, beliau bertekad melawan penyakit itu setelah dikesan menghidap kanser darah atau dikenali sebagai limfoma tahap empat pada 21 Jun 2012.

Ibu kepada empat cahaya mata itu, berkongsi cerita, walaupun peristiwa itu sudah setahun berlalu, tetapi masih segar dalam kenangan dan sentiasa dijadikan pedoman hidup.

Pada mulanya, katanya beliau mengalami simptom demam, letih dan lesu. Keadaan berlarutan hingga tiga bulan dan atas nasihat anak, beliau ke hospital melakukan pemeriksaan rapi di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

"Ketika di PPUM, doktor melakukan ujian darah, imbasan CT dan sinar X. Hasil pemeriksaan mengesahkan saya menghidap kanser darah tahap empat," katanya ketika ditemui di kediamannya di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Menyambung cerita, Jamilah berkata, beliau memulakan fasa hidup dengan positif dan menganggap itu ujian daripada Allah SWT.

"Ini kerana penyakit kronik dan kanser bukan perkataan asing bagi keluarga kami. Suami saya meninggal akibat sakit buah pinggang manakala arwah ayah dan ibu pernah menghidap kanser.

"Begitu juga adik yang meninggal pada usia 38 tahun akibat kanser payudara," katanya.

Kekuatan mental lawan serangan

Menceritakan pengalaman sepanjang menghidap limfoma, Jamilah berkata, kekuatan mental memainkan peranan melawan penyakit kerana sekiranya mental lemah, sel barah bertambah aktif.

"Siapa yang tidak takut apabila dikatakan hanya mempunyai peluang 50 peratus untuk hidup dan jika melakukan pembedahan, saya berkemungkinan besar lumpuh serta hilang ingatan.

"Saya menepis perasaan itu dan memilih menjalani rawatan kemoterapi," katanya.

"SIAPA YANG TIDAK TAKUT APABILA DIKATAKAN HANYA MEMPUNYAI PELUANG 50 PERATUS UNTUK HIDUP DAN JIKA MELAKUKAN PEMBEDAHAN, SAYA BERKEMUNGKINAN BESAR LUMPUH SERTA HILANG INGATAN"

Jamilah Ab Hamid,
Bekas pesakit kanser